

## KHUTBAH JUMAAT

### "ISTERI AMANAH SUAMI, USAH KHIANATI"

(29 Disember 2023M/ 16 Jamadilakhir 1445H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Marilah kita tumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Cukup-cukuplah kita dengan perbuatan-perbuatan yang boleh mengurangkan ganjaran pahala Jumaat. Usah bercakap-cakap, simpanlah telefon bimbit untuk seketika. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesanannya. Izinkan khatib untuk membawa hati dan jiwa sekalian yang hadir menghayati khutbah yang bertajuk: **“Isteri Amanah Suami, Usah Khianati”**.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Setiap insan mempunyai tanggungjawab sama ada sebagai seorang bapa, ibu, suami, isteri, anak dan sebagainya. Tanggungjawab anak ialah mentaati kedua ibu bapanya manakala tanggungjawab ibu dan bapa ialah mendidik dan memberi nafkah kepada anak-anak. Tanggungjawab suami pula ialah menjaga kehormatan isteri dan menyediakan nafkahnya.

Nafkah merupakan perkara yang wajib ke atas seorang yang bergelar bapa atau suami. Sekiranya seorang bapa atau suami culas dan mengabaikan kewajipan ini, maka ia akan memberikan kesan yang buruk kepada para isteri dan anak.

Mutakhir ini semakin ramai para suami atau bapa yang mengabaikan perintah nafkah anak atau isteri. Ini dapat dilihat melalui statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Pada tahun 2020 sebanyak 1,288 kes pelanggaran perintah nafkah anak atau isteri direkodkan. Manakala pada tahun 2021 dan 2022, masing-masing merekodkan sebanyak 750 kes dan 1,316 kes. Di Sarawak secara khusus, untuk tempoh bermula Januari sehingga 26 Disember 2023, terdapat sebanyak 153 kes tuntutan nafkah anak yang telah didaftarkan.

Secara umumnya, terdapat peningkatan dalam jumlah kes yang didaftarkan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah kes ini menunjukkan wujudnya bilangan yang agak ramai dalam kalangan suami dan bapa yang tahap kesedarannya amat

rendah terhadap betapa pentingnya pelaksanaan perintah nafkah anak atau isteri melalui perintah Mahkamah Syariah.

Para bapa atau suami yang tidak menghormati perintah mahkamah berkaitan nafkah anak dan isteri ini terdiri daripada pelbagai latar belakang. Bukan sekadar berlaku dalam kalangan mereka yang mempunyai masalah penagihan dadah dan malas bekerja, namun tidak kurang juga berlaku dalam kalangan golongan profesional seperti doktor, pensyarah, ahli perniagaan dan sebagainya.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Isu sebegini telah lama diperbincangkan bagi mencari jalan penyelesaiannya yang tuntas. Pada tahun 2007, Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia telah mencadangkan kepada Jabatan Kehakiman Syariah bagi menyelesaikan permasalahan ini. Susulan itu, pada tahun 2008, tertubuhlah Bahagian Sokongan Keluarga (BSK).

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) ini ditubuhkan bagi membantu para isteri yang teraniaya untuk menguatkuasakan dan melaksanakan perintah-perintah mahkamah berkaitan nafkah anak dan nafkah isteri termasuklah nafkah iddah serta mut'ah. Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) ini ditempatkan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri di seluruh Malaysia. Antara fungsi bahagian ini adalah:

**Pertama:** Memberi nasihat perundangan syariah kepada pihak-pihak yang terlibat secara khusus berkaitan tuntutan nafkah serta

tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman di Mahkamah Syariah.

**Kedua:** Memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada para isteri untuk menfailkan kes di Mahkamah Syariah bagi mengambil tindakan terhadap suami atau bapa yang mengabaikan tanggungjawab.

**Ketiga:** Menyediakan khidmat guaman bagi mewakili para isteri dalam apa-apa tuntutan. Manakala *bailif* pula melaksanakan perintah pelaksanaan penghakiman dan penguatkuasaan perintah mahkamah sama ada secara tangkapan, lelongan, sitaan dan jualan. Semuanya diwujudkan bagi memastikan setiap perintah mahkamah itu dipatuhi.

**Keempat:** Menguruskan bantuan kewangan sementara, dalam bentuk bantuan nafkah kepada pemiutang penghakiman (bekas isteri dan anak-anak) yang menjadi mangsa kegagalan pembayaran nafkah oleh penghutang penghakiman (bekas suami atau bapa).

Sesungguhnya, konsep ini bertepatan dengan firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Maidah, ayat 2:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ  
وَ اتَّقُوا اللَّهَ ۗ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

**Maksudnya:** ... dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan

*bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah amat berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sebelum mengakhiri khutbah, khatib ingin menyeru para suami dan bapa yang mempunyai perintah mahkamah, laksanakanlah perintah nafkah tersebut kerana perintah mahkamah merupakan perintah *ulil-amri* dan mentaati *ulil-amri* adalah satu kewajipan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa', ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ ...

**Maksudnya:** *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu ...*

Mengakhiri khutbah, khatib ingin mengajak para jemaah untuk bersama-sama menghayati beberapa kesimpulan berikut:

**Pertama** : Hendaklah setiap orang daripada kita berusaha sebaik-baiknya untuk menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita.

**Kedua** : Para isteri atau ibu yang menghadapi masalah penunaian nafkah anak dan isteri bolehlah berhubung dengan pihak Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak untuk mendapatkan khidmat nasihat dan perundangan.

**Ketiga** : Para bekas suami yang gagal menunaikan tanggungjawab nafkah kepada bekas isteri dan anak-anak boleh

diambil tindakan undang-undang seperti pemenjaraan atau denda atau sekatan perjalanan ke luar Sarawak selagi hutang nafkah tidak dijelaskan.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Talak, ayat 7:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّنْ سَعَتِهِ ۗ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ ۗ  
لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَّا آتَاهَا ۗ سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا (٧)

**Maksudnya:** Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada musim hujan ini, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ  
أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ  
فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ  
أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ  
يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمْهُمْ  
وَانصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ عَنْهُمْ  
الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khususnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.



Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.